

**Penyerahan Buku Pelaburan** Oleh ; Mohammad Irhamuddin Mansor

# Amanah Saham 1 Malaysia (AS1M)

Pada 11 Julai 2009 lalu, Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Najib Razak telah mengumumkan tentang Amanah Saham 1 Malaysia yang bernilai 10 billion unit. Bagi pengenalan kepada Amanah Saham 1 Malaysia ini, pelajar-pelajar yang belajar di Insituti Pengajian Tinggi Awam seramai 50 ribu pelajar diberi 100 unit amanah saham 1 Malaysia dengan percuma.

Penyerahan 100 unit secara percuma oleh kerajaan adalah bertujuan untuk memupuk

pelajar-pelajar untuk melabur pada usia yang muda. Tidak ketinggalan juga bagi Universiti Malaysia Perlis, penyerahan buku secara percuma telah diberikan mengikut Kolej Kedimaan masing-masing memandangkan kedudukan kolej kedimaan yang berselerak.

Bermula dengan pengedaran dan pengisian borang mulai Julai 2009 Mac 2010. Manakala penyerahan buku diberikan mengikut Kolej kedimaan iaitu 31 Mac 2010 hingga 02 April 2010 bertempat di Dewan Serbaguna Kg.

Wai. Pada 5 April 2010 hingga 07 April 2010 bertempat di Kolej Kedimaan Taman Semarak dan pada 19 April hingga 22 April 2010 diadakan di Dewan Terbuka Kolej Kedimaan Wang Ulu.

Keseluruhan pelajar Universiti Malaysia Perlis yang mendapat 100 unit Amanah Saham 1 Malaysia secara percuma adalah seramai 1,500 orang.